



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (5)

28 Julai 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/2003 :
PELAKSANAAN KURIKULUM SEMAKAN PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

Pelaksanaan Kurikulum semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab yang berkuatkuasa mulai tahun 2003, adalah untuk membolehkan murid mendapat pengetahuan, kemahiran dan meningkatkan jati diri dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan supaya menjadi lebih berkesan bagi memenuhi kehendak negara. Kurikulum semakan ini memberi penekanan kepada kandungan teks kurikulum dan kaedah penyampaian yang lebih efektif.

2. Mata-mata pelajaran yang terlibat dengan semakan kurikulum di atas dilaksanakan mulai 2003 di sekolah-sekolah berikut :-

- 2.1 Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
 - i. Pendidikan Islam (Teras) di Tahun 1 dan Tahun 4
 - ii. Bahasa Arab Komunikasi (Tambahan) di Tahun 1
- 2.2 Sekolah Menengah Rendah
 - i. Pendidikan Islam (Teras) di Tingkatan 1
 - ii. Bahasa Arab Komunikasi (Tambahan) di Tingkatan 1
- 2.3 Sekolah Menengah Atas
 - i. Pendidikan Islam (Teras) di Tingkatan 4
 - ii. Bahasa Arab Komunikasi (Tambahan) di Tingkatan 4
 - iii. Tasawwur Islam (Elektif) di Tingkatan 4
 - iv. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Elektif) di Tingkatan 4
 - v. Pendidikan Syariah Islamiah (Elektif) di Tingkatan 4
 - vi. Bahasa Arab Tinggi (Elektif) di Tingkatan 4

Pelaksanaan mata-mata pelajaran tersebut di atas selepas tahun 2003 adalah seperti dalam **Jadual A dan B** yang dilampirkan.

3. **Peruntukan Masa**

Semakan kurikulum mata-mata pelajaran yang terbabit tidak melibatkan perubahan dalam peruntukan masa. Peruntukan masa adalah yang telah ditetapkan dalam dokumen-dokumen berikut :

- 3.1 **Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peruntukan-Peruntukan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997;**
- 3.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas KP(BS)8591/Jld.XVII/(8) : Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Tambahan di Sekolah Kebangsaan; dan**
- 3.3 **Surat Siaran Bil. (JAPIM)5206/4/41Jld.2(4) : Pelaksanaan Jawi dan Al-Quran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam KBSR/KBSM Tahun 2003.**

4. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran

Sekolah-sekolah hendaklah mengguna pakai Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran mata-mata pelajaran di atas yang telah disemak semula seperti dinyatakan di para 2.1, 2.2 dan 2.3.

5. Peperiksaan dan Penilaian

Mata-mata pelajaran di atas yang terlibat dengan semakan kurikulum akan dinilai dalam peperiksaan awam seperti berikut :

5.1 **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2004; dan**

5.2 **Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai tahun 2005.**

6. Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam

Bagi mencapai tujuan di atas, semua Guru Pendidikan Islam KBSR dan KBSM hendaklah mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara berikut :

6.1 Menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan merujuk kepada Buku-Buku Teks yang telah diperkatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.


6.2 Menjalankan tugas dengan penuh amanah, tanggungjawab dan profesional, serta mematuhi garis panduan, peraturan, pekeliling perkhidmatan dan surat-surat siaran yang diterbitkan dari semasa ke semasa; dan

6.3 Mengambil langkah-langkah bagi mengelak daripada melakukan kesilapan sama ada dari segi fakta, pedagogi, ataupun disiplin, semasa menjalankan tugas sebagai Guru Pendidikan Islam.

7. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua, Guru Besar dan Guru Pendidikan Islam di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia

JADUAL A

**Jadual Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
Di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis
Kebangsaan (Tamil)**

Tahun	Teras Pendidikan Islam	Tambahan Bahasa Arab Komunikasi
Tahun 1	2003	2003
Tahun 2	2004	2004
Tahun 3	2005	2005
Tahun 4	2003	2006
Tahun 5	2004	2007
Tahun 6	2005	2008

JADUAL B

**Jadual Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
Di Sekolah Menengah Kebangsaan**

Tingkatan	Teras	Tambahan	Elektif			
	Pendidikan Islam Teras	Bahasa Arab Komunikasi	Tasawwur Islam	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah	Pendidikan Syariah Islamiah	Bahasa Arab Tinggi
Tingkatan 1	2003	2003				
Tingkatan 2	2004	2004				
Tingkatan 3	2005	2005				
Tingkatan 4	2003	2003	2003	2003	2003	2003
Tingkatan 5	2004	2004	2004	2004	2004	2004